

06 AUG 1998

Mahathir-Singapura

TERIMA KASIH KPD PEMBANGKANG KERANA SOKONG KERAJAAN

IPOH, 6 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan terima kasih kepada parti-parti pembangkang kerana turut serta menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam isu pemindahan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Singapura.

Dr Mahathir berkata sokongan padu semua rakyat negara ini akan menguatkan negara dalam menghadapi masalah yang disebabkan oleh isu pemindahan KIK itu dari Stesen Kereta Api Tanjung Pagar ke Woodlands di republik itu.

"Setakat ini kita perlu tunggu sahaja (mengenai perkembangan isu pemindahan KIK itu)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Stadium Indera Mulia di sini, hari ini.

Beliau berkata, Imigresen Malaysia akan terus beroperasi di Tanjung Pagar memandangkan pihak Singapura mengatakan yang had masa untuk Malaysia berpindah ke Woodlands sudah tamat.

"Kita sedia duduk di Woodlands. Yang jadi masalahnya dia (Singapura) kata sudah habis masanya untuk kita (Malaysia) bersetuju tinggal di Woodlands dan dia tidak sediakan tempat pada kita...hanya sanggup untuk letakkan dua meja di tepi platform," katanya.

"...nampak tak elok dan kita kena juga jaga keselesaan bekerja. Tiba-tiba dia kata tak ada tempat kerana kita lewat dan kita kena keluar ke Johor Baharu...seperti macam halau keluar," katanya.

Dr Mahathir berkata, setakat ini pemimpin Singapura belum menghubungi beliau untuk berbincang mengenai isu itu dan perhubungan setakat ini hanya melalui pegawai Malaysia.

Beliau juga berkata adalah menjadi hak Singapura untuk mengenakan sebarang peraturan bagi rakyat Malaysia masuk ke negara itu berikutan berita yang mengatakan Singapura kini menghadkan tempoh lawatan rakyat Malaysia antara tiga, empat, sembilan dan 14 hari berbanding 14 hari sebelum ini.

Perdana Menteri berkata adalah lebih baik rakyat Malaysia tinggal dan kerja dalam negara dan ianya tidak merugikan negara.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata sebarang tindakan untuk mengharamkan buku "50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM" serta tindakan terhadap penerbit buku itu hanya boleh diambil setelah siasatan polis mengenainya selesai.

Sebelum itu kerajaan perlu tahu isi kandungan buku itu sama ada ia berasas atau tidak, dan jika tidak berasas tindakan akan diambil terhadap penerbit buku itu, katanya.

Mengenai penahanan seorang Datuk oleh pihak polis berikutan siasatan terhadap buku itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengetahui mengenainya.

Dr Mahathir berkata, walaupun beliau merupakan Menteri Dalam Negeri, pihak polis tidak perlu memaklumkan kepadanya terlebih dahulu sebelum membuat sebarang penahanan semasa menjalankan siasatan.

Ditanya sama ada sejak buku itu wujud ianya memberi tekanan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu dan daripada pengamatannya Anwar masih menjalankan tugas seperti biasa.

Ditanya mengenai tindakan Thomson Bankwatch, agensi penarafan bank terbesar di dunia, yang menurunkan taraf risiko kedaulatan Malaysia daripada A- kepada BBB, Dr Mahathir berkata: "Mereka (spekulator

antarabangsa) mempunyai kuasa untuk memusnahkan orang dan adalah jelas mereka menggunakan kuasa itu untuk memusnahkan orang."

Beliau berkata: " Apa yang mereka tidak mahu kita buat ialah cuba menyelamatkan ekonomi kita dan apa-apa usaha yang kita ambil untuk menyelamatkan ekonomi kita, mereka akan menghalangnya."

" Ini dalam kuasa mereka dan kita tidak mempunyai kuasa, jadi mereka boleh buat apa yang mereka mahu," katanya.

-- BERNAMA.

HK PR